

Amalan Berjimat Cermat dalam Kehidupan Sehari-hari

Amalan berjimat cermat kerap menjadi bahan (1 _____) di kalangan masyarakat dan pemimpin negara. Amalan berjimat cermat ini sering (2 _____) kerana amalan ini boleh memberi pelbagai kebaikan dalam hidup kita. Pada pendapat saya amalan jimat cermat ini patut diajar kepada anak-anak sejak kecil lagi. Sikap jimat cermat di kalangan rakyat akan memberikan kebaikan kepada ekonomi negara dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Terdapat beberapa amalan jimat cermat yang boleh kita lakukan dalam kehidupan demi (3 _____) hidup.

Orang yang pandai menjimatkan masa lazimnya dia akan berjaya dalam kehidupannya. Oleh itu, (4 _____) kita menggunakan masa yang ada ini dengan sebaik mungkin. Kejayaan kita menguruskan masa dengan baik, akan menentukan kualiti hidup dan imej diri kita. Antara aktiviti yang baik dan berfaedah untuk memenuhi masa lapang yang kita miliki ialah menuntut ilmu, bekerja dan membuat kerja-kerja amal terhadap masyarakat. Saya (5 _____) bahawa seseorang itu patut mengikuti kursus pengurusan masa kerana masa merupakan sesuatu yang amat bernilai bak kata peribahasa 'masa itu emas'.

Sesungguhnya, wang amat penting dan diperlukan oleh semua manusia dalam kehidupan sehari-hari. (6 _____), seseorang akan memperoleh wang setelah melakukan sesuatu pekerjaan. Seseorang yang mengamalkan sikap berjimat cermat akan menggunakan wang yang diperolehnya untuk perkara yang benar-benar perlu sahaja tempat tinggal, makanan dan perubatan. Biasanya juga orang yang berjimat cermat akan berbelanja secara

seederhana sahaja. Amalan (7 _____) secara sederhana

membolehkan seseorang mempunyai lebih pendapatan dan ia boleh digunakan untuk tabung masa hadapan.

Kita juga mesti berjimat cermat dalam penggunaan air. Dengan berjimat dalam penggunaan air, kita dapat menjauhkan perbuatan membazir dan berjimat dalam pembayaran bil air. Perbuatan membazir air hanya akan (8 _____) kos hidup dan membebankan kerajaan untuk mencari sumber air yang baru berikutan sumber air kita yang semakin (9 _____). Jika kita mandi atau membasuh kereta, pastikan air paip tidak dibiarkan mengalir jika tidak digunakan. Jika kita melihat ada paip pecah di tepi jalan, aduan hendaklah segera dibuat kepada pihak yang (10 _____).

Penggunaan elektrik semakin penting dalam kehidupan kita. Kehidupan harian kita pasti akan (11 _____) dan bermasalah jika tiada bekalan elektrik. Oleh sebab tenaga elektrik yang kita gunakan perlu dibayar, maka sudah pastinya kita perlu berjimat. Antara contoh amalan berjimat cermat dalam penggunaan elektrik di rumah ialah (12 _____) lampu dan kipas yang tidak digunakan. Tindakan pihak Tenaga Nasional Berhad menggunakan (13 _____) yang berbeza jika elektrik digunakan secara berlebihan merupakan satu langkah yang baik dalam (14 _____) amalan berjimat cermat di kalangan pengguna.

Dalam kehidupan masa kini, penggunaan telefon sudah menjadi satu keperluan. Penggunaan telefon memang banyak (15 _____). Walaupun begitu, kita hendaklah berjimat cermat dalam penggunaannya. Kajian mendapati pengguna telefon bimbit telah meningkat dengan mendadak di

kalangan rakyat.Keadaan ini pastinya akan menambah kos hidup seseorang.Sebaik-baiknya,kita menggunakan telefon jika perlu sahaja seperti (16_____) dan kecemasan.Oleh itu,ibu bapa perlu mendidik anak-anak mereka supaya berjimat cermat dalam penggunaan telefon.

Kesimpulannya dalam kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar ini,kita mestilah (17_____) nilai berjimat cermat.Sebenarnya,kita boleh berjimat cermat dalam banyak aspek seperti berjimat cermat dalam penggunaan masa,wang,air,elektrik dan telefon.Pada pendapat saya,pihak kerajaan mestilah menjalankan kempen berjimat cermat secara (18_____) dan efisien di kalangan rakyat kerana sesungguhnya ia memberi banyak faedah kepada negara.Rakyat pula mestilah bersungguh-sungguh mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan seharian.Jika semua pihak (19_____) mengamalkan sikap berjimat cermat,saya pasti ekonomi negara akan (20_____) dan kehidupan rakyat akan bertambah sejahtera.

Kebiasaannya 1	berbelanja 2	bergandeng bahu 3	bertambah kukuh 4	berpendapat 5
efektif 6	perbincangan 7	menerapkan 8	mengamalkan 9	berkenaan 10
memadakan 11	kebaikannya 12	diperkatkan 13	meningkatkan 14	urusan kerja 15
sewajarnya 16	berkurangan 17	terganggu 18	akrif 19	kesejahteraan